

31 AUG 2003

Sukan-Permotoran (MME)

PASUKAN MERITUS MEMENANGI PERLUMBAAN ENDURANCE 12 JAM

SEPANG, 31 Ogos (Bernama) -- Pelumba Pasukan Meritus, n yang dianggotai rakyat Malaysia dan Ireland yang ditubuhkan pada 1995, dengan 12 gelaran sukan permotoran Asia memenangi edisi keempat Perlumbaan Merdeka Millennium Endurance (MME) 2003 selama 12 jam, yang di Litar Antarabangsa Sepang di sini semalam.

Pasukan itu yang menggunakan dua unit Porsche Carrera Cup GT3, memenangi perlawanan menerusi tiga pelumba Firhat Mokhzani, Chin Tzer Jinn dan Eric Yeo dengan masa 12 jam, 1 minit, 46.492 saat untuk menamatkan 268 pusingan.

Pasukan pelumba Naza yang menurunkan Nigel Peter Albon, Craig Mark Albon dan T.Hammam T. Sulong mendapat tempat kedua dengan masa keseluruhan 12'04:08.685s.

Pasukan pelumba Honda Malaysia, terdiri daripada Kunimitsu Takahashi, Hiroki Kato dan Hidetoshi Mitsusada dengan Honda Integra, mendapat tempat ketiga dengan masa 12'04:20.362s.

Jinn, yang memandu untuk pusingan kemenangan bagi pasukan Meritus berkata beliau tidak menjangka menang perlumbaan itu walaupun beliau sangat gairah untuk memulakan perlumbaan.

"Sebenarnya saya baru berusia 19 tahun. Mungkin saya yang paling muda di kalangan 231 pemandu MME," kata beliau kepada pemberita selepas perlumbaan itu.

Firhat yang juga pengurus pasukan bagi Pasukan Meritus berkata pasukannya menggunakan kereta lama yang telah memenangi MME tahun lepas.

Endurance 12 jam bermula pukul 10 pagi dengan Genji Hashimoto, Charles Kwan dan Mathew March dari Amprex Motorsports mendahului perlumbaan dari mula dan terus menguasainya hampir lima jam atau 115 pusingan.

Mengikuti dengan rapat bagi tiga jam pertama atau dalam pusingan 73 ialah tiga anggota pasukan pelumba BSA, Stuart Moseley, Simon Moulton dan Kozi Kalaitzidis, yang memulakan perlumbaan dari petak depan selepas mendahului pusingan kelayakan sebelum ini dengan memandu kereta import barunya BSA-Radical SR3.

Pasukan Pelumba Jaseri, yang terdiri daripada Datuk Mokhzani Mahathir dan Alex Yoong serta Faizal Hakimi Jaafar mengekori mereka pada dua jam setengah yang pertama atau 70 pusingan dengan memandu Porsche GT3.

Bagaimanapun pada pusingan ke 93, pasukan pelumba Jaseri mengatasi tempat kedua untuk 20 pusingan sebelum mendahuluinya semasa pusingan 135.

Pasukan kedua pelumba BSA terdiri daripada Jimmy Low, Marco Seefried dan Wolf Henzler dengan memandu Porsche GT3, yang telah ketinggalan lima pusingan oleh Hashimoto dan Kwan semasa jam pertama, dengan tiba-tiba menunjukkan pencapaian tinggi mengatasi kebanyakan pemandu dan menempah tempat keempat pada pusingan 45.

Jimmy dan Marco terus mengasak Porsche mereka ke hadnya dan berakhir pada tempat kedua selepas 133 pusingan, dua pusingan di belakang ketua Mokhzani dan Alex.

Pasukan pelumba Meritus menerusi pemandunya Firhat, Jinn dan Eric Yeo yang memandu Porsche GT3 memasuki perlumbaan itu untuk tempat ketiga teratas pada pusingan 91.

Pada pukul 5 petang atau selepas pusingan 160, tempat ketiga yang pertama dikuasai pelumba BSA, Pasukan Meritus dan Jaseri.

Dua jam kemudian atau pada pusingan 202, Low dan Seefried pelumba BSA mengatasi dan mendahului pasukan Meritus dan Naza Motorsports.

Pada pukul 7 malam, 10 kereta telah terkeluar daripada perlumbaan itu, kebanyakannya disebabkan masalah mekanikal.

Pemandu Naza Motorsports yang terdiri daripada Albon, Mark Albon dan T.Hammam dengan Porsche GT3 kemudian mendapat tempat kedua semasa 222 pusingan, satu pusingan di belakang ketua Pasukan Meritus. Mengekori di tempat ketiga ialah pasukan Pelumba Jaseri, dua pusingan di belakang Pasukan Meritus.

Pada pukul 8 malam atau selepas 223 pusingan, masalah enjin memaksa pelumba harapan Jimmy, Seefried dan Henzler terkeluar daripada perlumbaan, menyertai 12 kereta lain.

Antara pasukan yang terpaksa keluar kerana masalah kereta termasuk pasukan Eon Motorsports dengan pacuan empat roda Proton Waja.

Pasukan itu terdiri daripada dua pemenang MME - Tommy Lee, satu-satunya pemandu yang telah memenangi perlumbaan 12 jam tiga tahun berturut-turut dan Keifli Othman, yang memenangi pada 2000 -- serta pemandu MME yang tidak asing lagi Tengku Djan Ley.

Pada pukul 9 malam, Pasukan Meritus masih lagi mendahului perlumbaan, meninggalkan pasukan Naza Motorsports di belakang satu pusingan. Sementara pelumba Jaseri masih lagi mengekori di tempat ketiga, dua pusingan di belakang ketua.

Bagaimanapun, satu setengah jam tepat untuk menamatkan perlumbaan, pasukan pelumba Jaseri dengan Alex Yoong memandu Porsche GT3, terkeluar daripada perlumbaan apabila kereta mereka dilanggar dari belakang Honda Civic EK, yang dipandu Azman Hussin.

Azman cedera ringan di kedua-dua kaki sementara Yoong cedera di kepala. Kedua-dua pemandu dihantar ke Hospital Putrajaya.

Pemandu lain dalam pasukan Azman ialah Rossli Mohamad Yatim dan Samsudin Kambali.

Dengan terkeluarnya pelumba Jasari, perlumbaan itu terbuka kepada Pasukan Meritus, Pelumba Naza, Honda Malaysia dan Amprex Motorsports.

Semasa pusingan akhir, Pasukan Meritus mengasak kereta mereka ke hadnya untuk memenangi perlumbaan, diikuti pelumba Naza dan Honda Malaysia.

MME merupakan perlumbaan endurance 12 jam yang dianjurkan Sirkuit Antarabangsa Sepang (SIC) sejak tahun 2000. Memandangkan namanya, acara ini diadakan sempena dengan Perayaan Hari Kebangsaan.

Buat pertama kali sejak ditubuhkan, perlumbaan itu bermula pada pukul 10 malam dan berakhir 10 malam, pada hari yang sama.

Pada tiga tahun lepas, perlumbaan itu diadakan pada pukul 10 malam, 30 Ogos dan berakhir pada pukul 10 malam, 31 Ogos, Hari Kebangsaan.

-- BERNAMA

ZAS BK